

KES T-106-2009 Dalam Tribunal Koperasi Malaysia
Di Tawau, Dalam Negeri Sabah, Malaysia

Antara

OPDEN BIN SAREHE

PEMOHON

Dengan

1. HIJOO BIN ISMAN

2. HAJJAH JONIN BINTI ABEN

3. NOORSALINA BINTI HJ HIJOO

RESPONDEN

ALASAN AWARD

Latar Belakang

1. Dalam kes ini, Pemohon adalah anggota Koperasi Rancangan Kokos Kunak Berhad. Responden 1 adalah Pengerusi Koperasi tersebut. Manakala Responden 2 adalah isteri kepada Responden 1 dan Responden 3 adalah anak Responden 1 dan 2.

2. Relief yang dipohon oleh Pemohon adalah terkandung dalam Borang A yang telah difailkan pada 8 Jan 2009. Tuntutan Pemohon berkisar atas haknya sebagai seorang anggota pengasas Koperasi. Oleh ini, relief yang pertama sekali dipohon oleh Pemohon adalah supaya diputuskan bahawa dia masih adalah ahli Koperasi Rancangan Kokos Kunak Berhad (Koperasi Kokos). Relief seterusnya yang dipohon oleh Pemohon adalah supaya syernya yang bernombor No. 14 yang diperuntukkan oleh Koperasi Kokos kepadanya dipindah milik dari Responden Pertama kepada Responden Kedua dipulangkan kepadanya; pengisytiharan bahawa pindah milik syer Pemohon oleh R1 kepada R2 adalah tidak sah kerana melanggar peruntukkan Undang-Undang Kecil Koperasi Kokos; bahawa R2 bukannya

ahli Koperasi Kokos dan tidak berhak untuk mendapatkan syer di dalam Koperasi Kokos; pindah milik syer tersebut seterusnya dari R2 kepada R3 adalah juga tidak sah dan bahawa R3 juga bukannya ahli Koperasi Kokos dan tidak berhak untuk mendapat syer di dalam Koperasi Kokos. Di samping itu, Pemohon juga memohon agar R1, R2 dan R3 secara bersesama dan berasingan membayar balik kos ganti rugi yang terbit daripada syer tersebut samada dari hasil tanah, keuntungan, bonus, saguhati atau apa-apa hasil daripadanya bermula dari tarikh pengambilalihan syer Pemohon sehinggalah ke tarikh keputusan kes ini. Pemohon juga memohon agar kos dalam pertikaian ini dibayar oleh R1, R2 dan R3.

Samada Pemohon Masih Adalah Anggota Koperasi Kokos

3. Ms 2-3 P1 adalah senarai nama anggota pengasas yang telah membuat permohonan untuk tanah Kerajaan Negeri Sabah yang diakui telah diterima oleh Pejabat Tanah Sabah pada 23 Mac 1966 seperti dinyatakan di ms 1 P1. Mengikut ms 3 P1, nama Pemohon disenaraikan di nombor 41 "List of Names of Cocos Settlement Scheme Giram Estate, Kunak District-Lahad Datu" dan tiada apa-apa perubahan atau pindaan dibuat kepada nama Pemohon atau kelayakannya jika dibandingkan dengan nama anggota yang lain seperti di nombor 2, 3, 14, 18, 22, 28, dan 39 dalam senarai tersebut. Senarai itu tanpa pindaan adalah senarai asal yang dikemukakan kepada Pejabat Tanah kerana ternyata dalam para 4 ms1 P1 di dalam ruangan "*Names*" dicatitkan "*As per list attached*" iaitu senarai seperti di ms 2-3 yang telah ditaip dengan mesin taip lama tanpa pindaan yang dibuat dengan tulisan tangan R1.

4. Dalam keterangannya, Pemohon mengesahkan bahawa dia adalah penama di nombor 41 dalam ms 3 P1. Mengikut Pemohon, dia berasal dari Pulau Cocos, Australia dan telah dibawa masuk oleh British untuk kerja di Lahad Datu dalam tahun 1953. Dalam tahun 1966, Pemohon menyatakan bahawa dengan permohonan di ms 1-3 P1, dia telah "minta dari British

untuk tanah tanam kelapa sawit, seorang 15 ekar". Maka apabila Koperasi Kokos membuat permohonan daripada Kerajaan untuk sebidang tanah, diapun menyertai skim tersebut. Selepas itu, Pemohon telah diperuntukkan satu saham dalam Koperasi Kokos. Pada 13 Disember 1977, Koperasi Kokos telah didaftarkan sebagai "Syarikat Kerjasama Serbaguna Rancangan Kokos Berhad" di bawah "*Co-operative Societies Ordinance 1958*" dan "*Co-operative Societies Rules 1959*" seperti mana ditunjukkan dalam ms 7, P1. Tanah yang diberikan oleh Kerajaan kepada Koperasi telah didaftarkan atas nama asalnya seperti mana ditunjukkan dalam ms 8-10 P1.

5. Di ms 4-6 P1, dalam "*Lists of Names of Cocos Settlement Scheme Giram Estate, Kunak District, Lahad Datu, 23rd March 1966*", nama Pemohon yang dicatitkan sebagai "**Hobden Bin Serihie**". Ini menunjukkan bahawa Pemohon adalah salah seorang anggota pengasas dalam Koperasi Kokos. Fakta ini tidak dinafikan oleh Responden dan Tribunal Koperasi dengan sebulat suara memutuskan bahawa Pemohon adalah salah seorang anggota pengasas dalam Koperasi Kokos.

6. Isu seterusnya adalah sama ada Pemohon terus mengekalkan keanggotaannya sehingga ke hari ini. Responden telah memanggil Setiausaha Koperasi Kokos bagi tahun 1993 iaitu SR5 untuk memberi keterangan bagi pihak Responden berkenaan isu ini. Akan tetapi, SR5 telah tidak membawa apa-apa rekod pemindahan milik saham ataupun minit mesyuarat ALK atau MAT atau usul yang dikemukakan semasa mesyuarat tersebut di mana terbukti bahawa Pemohon telah memindahkan sahamnya dalam Koperasi Kokos kepada R2. Di sebaliknya SR5 menyatakan bahawa dia tidak terlibat dalam pindah milik tersebut dan menurut keterangannya, dia tidak tahu kenapa Hj Hijoo tidak merekodkan pindah milik dari Pemohon kepada R2 di dalam ruangan *Record of Transfer* sebab itu adalah hal peribadinya.

7. Mengikut SR5 di ms 45 Nota Prosiding (NP), P9 iaitu Surat Akuan Saham No14, telah diagihkan kepada semua anggota Koperasi Kokos dalam tahun 1972 sebelum Koperasi Kokos dirasmikan pada 13 Disember 1977. SR5 menyatakan bahawa Pemohon telah diagihkan satu surat akuan saham yang asal iaitu P9. Di perenggan 6 R8 iaitu Pernyataan Saksi SR5, SR5 juga mengakui bahawa dia sebenarnya tidak dapat ingat jawatannya pada masa pengagihan P9 kepada anggota Koperasi Kokos dalam tahun 1972. Mengikut SR5 lagi, “pada waktu itu, urusan pendaftaran koperasi adalah dilakukan oleh Hj. Hijoo jadi belum ada kepentingan untuk memegang apa-apa jawatan lain pada masa itu selain daripada Pengerusi. Namun saya mengakui bahawa tandatangan saya adalah seperti di dalam kolum kedua sijil tersebut”.

8. Di perenggan 5 R8, SR5 menyatakan bahawa “...Masa sijil itu diagihkan koperasi kami belum lagi selesai didaftarkan di bawah Ordinan Pertubuhan Koperasi 1958.” Keterangan SR5 sukar diterima oleh Tribunal Koperasi ini sebagai pernyataan yang benar sebab sesebuah koperasi yang belum didaftar tidak boleh mengeluarkan surat akuan saham kepada bakal anggotanya. Mengikut keterangan yang diberikan di perenggan 1 R8, SR5 menyatakan bahawa dia “sudah dua kali dilantik sebagai Setiausaha Koperasi iaitu pada sekitar tahun 1980-an ketika Koperasi masih lagi bergelar Syarikat Kerjasama dan kemudian untuk tahun 1993-1994”.

9. Tambahan lagi, jika SR5 bukannya Setiausaha Koperasi pada masa pengagihan sijil yang dikatakan telah dijalankan dalam tahun 1972 maka SR5 tidak seharusnya menandatangani P9 sebagai “Setiausaha Koperasi”. Oleh kerana SR5 telah menandatangani P9 sebagai Setiausaha Koperasi, adalah lebih tepat jika dikatakan P9 telah ditandatangani oleh SR5 “pada sekitar tahun 1980-an” ataupun dalam “tahun 1993-1994” pada masa SR5 dilantik sebagai Setiausaha Koperasi Kokos. Maka, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara menolak keterangan SR5 bahawa sijil P9 diagihkan

dalam tahun 1972 kerana pada masa itu SR5 masih belum menjadi Setiausaha Koperasi Kokos.

10. Terdapat tanda tanya sama ada SR5 telah pun menjadi anggota Koperasi Kokos dalam 1972. Ini adalah kerana adalah jelas daripada P1 bahawa SR5 bukannya anggota asal Koperasi Kokos dan namanya memang tidak ada di dalam senarai asal anggota yang menyertai Skim Rancangan Kokos. Mengikut keterangannya, dia telah mengambil alih saham daripada neneknya iaitu anggota bernama "Myle Bin Laksana" di nombor 13 ms 2 P1.

11. Di ms 46 NP SR5 memberitahu Tribunal Koperasi ini bahawa dia ada membawa pengesahan berkenaan pengagihan sijil P9 kepada Pemohon dan telah menunjukkan buku daftar anggota Koperasi Kokos seperti di ms 5 dan 6 P2. Setelah Tribunal Koperasi ini menyemak buku daftar asal yang dikemukakan, adalah didapati bahawa buku daftar tersebut bukannya dokumen asal dan tidak mengandungi sebarang tanda tangan pengesahan daripada mana-mana anggota berkenaan penerimaan surat akuan saham oleh mereka dalam tahun 1972 atau bila-bilapun. Apabila disemaknya ms 5 dan 6 P2, adalah didapati bahawa jawapan SR5 tidak adalah betul kerana ms 5 dan 6 adalah senarai nama anggota yang disalin oleh R1 sebagai Pengerusi Koperasi Kokos dari buku daftar yang asal sepertimana dicatit di halaman depan oleh R1 sendiri dalam tulisan tangannya pada 23 Nov 2005 dan dikemukakan sebagai ms 7 P2. Buku daftar yang asal tidak dikemukakan tetapi setelah disoal lebih lanjut, SR5 mengatakan di ms 46 NP bahawa buku daftar yang asal adalah apa yang dikemukakan di ms 1-3 P1.

12. Seterusnya di ms 50 NP, semasa pemeriksaan balas, SR5 menyatakan bahawa Ahli Lembaga Koperasi (ALK) telah mengundi dan bersetuju dengan pindah milik saham Pemohon kepada R2. Semasa pemeriksaan semula di ms 52, apabila ditanya oleh peguam Responden "adakah majoriti

di dalam ALK telah menyatakan persetujuan bahawa saham itu boleh dipindah nama daripada nama Opden [Pemohon] kepada nama Hajjah Jonin [R2]?", jawapan SR5 adalah "Tentang perkara itu tidak dibangkitkan semasa mesyuarat ALK". Kedua-dua jawapan SR5 ini adalah bercanggahan, maka keterangan SR5 tidak dapat dipercayai sebulat-sebulatnya oleh Tribunal Koperasi ini.

13. Di perenggan 8 R8, SR5 menyatakan bahawa dalam tahun 1993, dialah setiausaha yang dilantik bagi tahun 1993-1994. Seterusnya SR5 menyatakan bahawa "Tarikh yang tepat bagi mesyuarat ALK dan mesyuarat Agung itu saya tidak ingat kerana ia adalah pada 1993. Bagi mendapatkan tarikh yang betul, mana-mana orang hendaklah merujuk kepada rekod-rekod yang dipegang oleh Setiausaha sekarang iaitu Encik Batli bin Sooma". SR5 memberikan gambaran bahawa rekod berkenaan penjualan saham dan tanah oleh Pemohon kepada R2 terdapat dalam simpanan Koperasi dan khususnya Encik Batli. Akan tetapi, semasa pemeriksaan balas, SR5 menyatakan bahawa dia setuju sebagai setiausaha dia telah menyediakan minit mesyuarat untuk merekodkan undian ALK bagi pindah milik saham di antara Pemohon dan R2 tetapi minit mesyuarat tersebut tidak dapat dijumpai kerana terlalu lama. Manakala R1 sendiri menyatakan di ms 68 bahawa minit mesyuarat tersebut disimpan oleh SR5 dan R1 tidak diberikan satu salinan sehingga hari ini. Sekali lagi, jawapan yang bercanggahan berkenaan kewujudan minit mesyuarat yang merekodkan penjualan saham dan tanah oleh Pemohon kepada R2 tidak menyakinkan Tribunal Koperasi ini. Maka, Tribunal Koperasi dengan sebulat suaranya memutuskan bahawa tiada keterangan yang menunjukkan bahawa Pemohon telah memindahkan sahamnya kepada R2.

14. Encik Batli bin Sooma juga tidak dipanggil untuk memberi keterangan dan tiada carian dibuat di Pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk mendapatkan minit Mesyuarat Agung Tahunan 1994 yang dikatakan

telah meluluskan pindahan saham dari Pemohon kepada R2. Tiada sebarang usul, minit mesyuarat ALK ataupun agenda MAT 1993 atau 1994 dan tiada minit mesyuarat MAT 1993 atau 1994 yang dikemukakan bagi menyokong keterangan R1. Oleh ini Tribunal Koperasi ini tidak mendapat kepastian samada pemindahan saham tersebut sebenarnya telah diluluskan atau tidak.

15. Terdapat tanda tanya samada Lembaga Koperasi dan Mesyuarat Agung Tahunan telah mengesahkan pindah milik yang telah berlaku. Pada mulanya R1 menyatakan bahawa ALK dan MAT telah mengesahkan pindah milik tersebut sebelum 31 Disember 1993 tetapi setelah R1 mengira balik baki tempoh masa selepas tarikh perjanjian jual beli tanah yang dikatakan telah dipindahkan oleh Pemohon kepada R2 itu dibuat, dia telah menukar pendiriannya dan menyatakan bahawa MAT tahun 1994 yang meluluskan pemindahan saham tersebut. Tarikh perjanjian jual beli tanah pada mulanya ditarikhkan pada 10 Dis 1993 tetapi kemudiannya diblanko kepada tarikh baru iaitu 10 Disember 1986. Salinan surat perjanjian itu telah dikemukakan sebagai ms 1 P2 dan yang asal telah dikemukakan semasa perbicaraan dan ditanda "A".

16. Seorang ALK yang menjadi saksi bagi pihak Responden iaitu SR6 memberi keterangan menyatakan bahawa mesyuarat ALK tahun 1994 telah membuat undian berkenaan pindah milik tanah oleh Pemohon kepada R2. Semasa pemeriksaan balas, SR6 menyatakan bahawa dia telah menjadi anggota Koperasi Kokos dalam tahun 1994 dan dia juga telah menjadi ALK sejak 1994. Seksyen 43(3) Akta Koperasi 1993 yang berkuatkuasa pada masa yang material memperuntukkan seperti berikut:

"Dari tahun ketiga pendaftaran suatu koperasi tiada seorang pun boleh dilantik menjadi anggota Lembaga koperasi berdaftar itu melainkan jika dia telah menjadi anggota koperasi berdaftar itu selama tempoh minimum dua tahun."

17. Peruntukan tersebut adalah hampir sama dengan seksyen 43(4) yang sedia ada. Berdasarkan kepada peruntukan ini, keanggotaan SR6 dalam Lembaga Koperasi Kokos sebagai ALK dalam tahun 1994 adalah tidak sah. Oleh itu undian yang dibuat oleh SR6 juga adalah tidak sah.

Keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi Responden berkenaan pindah milik saham Pemohon kepada Responden adalah bercanggahan dalam beberapa aspek yang material iaitu jumlah ALK yang hadir dalam mesyuarat ALK tersebut, tarikh mesyuarat ALK itu diadakan, serta jumlah orang yang mengundi dan sama ada R1 sebagai pihak yang mempunyai kepentingan dalam usul tersebut ada mengecualikan diri daripada mengundi. Kegagalan mengemukakan minit mesyuarat ALK atau minit mesyuarat MAT bagi menunjukkan bahawa Pemohon bukannya anggota Koperasi Kokos memudaratkan dakwaan pihak Responden bahawa Pemohon telah memindahkan sahamnya kepada R2.

18. Di sebaliknya, terdapat keterangan jelas bahawa Pemohon tidak pernah disingkirkan sebagai anggota dalam Koperasi Kokos dan R2 tidak pernah mengemukakan permohonan untuk menjadi anggota Koperasi Kokos dan tiada keterangan yang menunjukkan bahawa R2 sudah menjadi anggota di dalam Koperasi Kokos. Berdasarkan kepada kesemua keterangan di atas, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara memutuskan bahawa Pemohon masih seorang anggota dalam Koperasi Kokos, syer Pemohon bernombor No. 14 dalam Koperasi yang dipindah milik dari R1 kepada Responden Kedua (R2) dipulangkan kepada Pemohon.

Sama Ada R2 Adalah Anggota Dalam Koperasi Kokos

19. Bagi memutuskan isu sama ada pindah milik syer Pemohon oleh R1 kepada R2 adalah sah atau tidak sah, Tribunal Koperasi ini harus mendapat keterangan bahawa R2 telahpun menjadi anggota dalam Koperasi Kokos terlebih dahulu. Keterangan SR9 iaitu R2 sendiri jelas

menunjukkan bahawa R9 tidak pernah mengisi borang untuk jadi ahli Koperasi Kokos. Tidak terdapat keterangan lain yang dapat menunjukkan bahawa R2 pernah menjadi anggota Koperasi Kokos. Oleh kerana tanah Koperasi Kokos adalah khas untuk anggotanya sahaja, maka R2 yang bukannya anggota Koperasi Kokos tidak boleh memegang tanah kepunyaan Koperasi Kokos atau menerima pindahan milik dari R1 atau menikmati hasil atau keuntungan daripada tanah itu iaitu pulangan daripada menjadi anggota di dalam Koperasi Kokos. R2 hanya boleh menerima pindahan milik tersebut sebagai waris kepada R1 bagi tanah kepunyaan R1 menerusi pindah milik saham R1 kepadanya.

20. Jika diperiksa cara pindah milik saham Pemohon di dalam Koperasi Kokos itu dibuat, iaitu dengan memblankokan nama Pemohon dalam Surat Akuan Saham asal iaitu "A" dan ditaip semula dengan nama R2 di muka depan Surat Akuan Saham tersebut, memang Tribunal Koperasi ini tidak dapat menerima ini sebagai bukti pindah milik yang sah. Penggantungan R1 dan R2 atas pindah milik tanah yang dibuat secara perjanjian jual beli tanah di antara Pemohon dan R1 sebagai bukti yang memberikan hak kepada R1 untuk memindahkan saham Pemohon dalam Koperasi Kokos kepada R2 juga tidak boleh diterima oleh Tribunal Koperasi ini kerana adalah tidak sah. Tanah itu bukan tanah kepunyaan Pemohon dan tidak dapat dijual oleh Pemohon. Maka Tribunal koperasi dengan sebulat suaranya memutuskan bahawa pindah milik syer Pemohon oleh R1 kepada R2 adalah tidak sah.

21. Maka dengan itu, oleh kerana R2 tidak mempunyai hak kepada saham itu, pindah milik saham Pemohon tersebut seterusnya dari R2 kepada R3 juga adalah tidak sah. Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suaranya memutuskan bahawa pindaan yang telah dibuat oleh R1 dengan blanko harus dibetulkan dan nama R2 di muka depan "A" harus dipotong dengan kemas dan ditaip ditepinya nama Pemohon dengan jelas dan

ditandatangani ringkas oleh ALK sedia ada dengan disertakan cop rasmi Koperasi Kokos. Begitu juga bagi pembetulan di muka belakang "A". Pembetulan ini harus dijalankan di bawah pengawasan Pengarah SKM Sabah.

Sama Ada Surat Perjanjian Jual Beli Tanah Di Antara R2 Dan Pemohon Sah Atau Tidak

22. Ms 2 dan 2(a) P2 adalah salinan Surat Akuan Saham yang dimiliki oleh Pemohon. Responden 1 menyatakan bahawa terdapat pindah milik saham tersebut kepada R2 iaitu isterinya. Pindah milik saham tersebut telah dikatakan disempurnakan dalam tahun 1993 apabila Pemohon menandatangani suatu perjanjian jual beli di antara Pemohon dan R1 pada 10 Disember 1993. P9 adalah Surat Akuan Saham Pemohon yang asal. Adalah jelas di muka depan Surat Akuan Saham tersebut terdapatnya tanda-tanda blanko di tempat nama pemilik asal dan ditaipkan di atas blanko tersebut nama "Hajjah Jonin Binti Aben" iaitu R2.

23. Memang tidak dinafikan oleh R1 dan R2 bahawa P9 adalah Surat Akuan Saham Pemohon. Apa yang dikatakan oleh kedua-dua Responden adalah Pemohon telah memindah milik tanah kepunyaan Pemohon di dalam Koperasi Kokos kepada R2 dan dengan itu, R1 berhak kepada tanah Pemohon. Berhubungan dengan itu, R1 telah meminda milik Surat Akuan Saham kepada R2.

24. R1 mengaku telah memindah milik saham Pemohon dalam Koperasi Kokos dari R2 kepada R3 pada 27 Jun 1993 dan bagi satu saham setiap anggota Koperasi Kokos diperuntukkan 15 ekar tanah. Tanah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah adalah dalam nama Koperasi dan bukannya dalam nama individu anggota Koperasi. Salinan fotostat Geran

Tanah CL245334605 seperti di ms 8-10 P1 jelas menunjukkan bahawa pemilik tanah tersebut bukannya Pemohon tetapi adalah “Sy Kerjasama Serbaguna Rancangan Kokos Bhd”. Geran asal tanah Koperasi disimpan oleh R1 dan geran asal itu telah dikemukakan oleh R1 kepada Tribunal Koperasi ini semasa perbicaraan dijalankan dan telah dipulangkan kepada R1 untuk simpanannya setelah dibandingkan dengan ms8-10 dan disahkan adalah salinan benar.

25. Pada 10 April 2007, sebelum pertikaian ini dirujuk kepada Tribunal Koperasi ini, R1 menyatakan melalui peguamnya di ms 69 para 8.11 R1 seperti berikut kepada peguam Pemohon:

“Dua belah pihak telah bersetuju membuat surat perjanjian dan surat perjanjian dibuat pada 10 Disember 1993, di antara Encik Opden bin Sarehe dan Haji Hijoo bin Isman tetapi dalam surat perjanjian Haji Hijoo bin Isman beri atas nama isterinya Hjh. Jonin binti Aben kerana Hj. Hijoo bin Isman ada mempunyai tanah sendiri.

8.12. Dalam surat perjanjian, isi kandungan surat perjanjian dua belah Pihak telah bersetuju dan memahami isi kandungannya.

8.13 Dua belah pihak telah bersetuju menurunkan tandatangan masing-masing dan tandatangan saksi masing-masing, di dalam surat perjanjian dan juga Encik Opden telah bersetuju menandatangani resit pembayaran (Payment Voucher) yang berjumlah RM10,800.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Lapan Ratus)”.

26. SR7 iaitu R1 juga telah memberi keterangan kepada Tribunal Koperasi semasa perbicaraan kes ini seperti dalam ms 61 NP. Dalam keterangannya, SR7 menyatakan bahawa "...pada 10 Disember 1986, Pemohon telah datang ke rumahnya mengatakan bahawa dia mahu menjual tanah dan sahamnya sebab memerlukan wang. Dia juga membawa Sijil Saham bersamanya dan dalam rumah itu ada isteri saya Hjh. Jonin binti Aben. Pemohon memberitahu saya yang dia perlukan wang kerana isterinya selalu sakit dan anak-anaknya masih muda dan perlukan wang. Kali pertama Pemohon datang ke rumah saya berkata hendak menjualkan sahamnya adalah pada 10 Disember 1986 dan saya bersetuju membeli 13.5 ekar tanah tersebut. Selepas itu, pada 10 Disember 1993, Pemohon memberitahu saya dia hendak jual kesemua 15 ekar tanahnya iaitu 1.5 ekar untuk tapak rumahnya kepada saya juga".

27. Seterusnya di ms 62 NP, R1 menyatakan bahawa Pemohon memberi Surat Akuan Sahamnya iaitu "A" kepadanya dalam tahun 1986. "Pada masa itu, Pemohon datang ke rumah saya meminta untuk meminjam wang dan dia telah membawa bersama-sama Surat Akuan Sahamnya. Pemohon bersetuju mengambil wang secara beransuran. Saya telah menyediakan Voucher Pinjaman Wang untuk ditandatangani oleh Pemohon tetapi dia tidak menandatangani apa-apa Voucher. Bila Voucher itu sudah banyak, saya telah menyimpan Surat Akuan tersebut. Setiap kali Pemohon mengambil wang daripada saya, saya akan menyediakan Voucher.

28. Semasa perbicaraan, tiada satu pun Voucher yang dikemukakan sebagai bukti. Surat Perjanjian di ms 1 P2 adalah bertarikh 10 Dis 1986. Adalah diperhatikan oleh Tribunal Koperasi ini bahawa di tempat di mana tahun "1986" ditaip terdapat tanda blanko dan "1986" telah ditaip di atas setelah diblanko tarikh asal. Semasa disoal balas oleh peguam Pemohon seperti di ms 62 NP, R1 menyatakan bahawa tarikh sebenar perjanjian adalah 10 Dis 1993 dan bukannya 10 Dis 1986. Jumlah "\$10,800" juga terdapat kesan pindaan dalam dakwat hitam dan di tempat di mana ditaipkan "(Sepuluh ribu lapan ratus ringgit)", pada mulanya tempat di mana

perkataan “lapan” ditaip dicatit dengan dakwat hitam yang sama seperti di tempat yang ditaip “1986” dan “8” yang pada mulanya nampak macam “3”. Dakwat hitam itu kemudiannya diblanko dan ditaip semula dengan perkataan “lapan” di atas perkataan “tiga”.

Seterusnya diperhatikan oleh Tribunal Koperasi ini bahawa perenggan 3 Perjanjian tersebut menyatakan seperti berikut:

“Pihak pertama [Pemohon] telah bersetuju bahawa dari pada hari ini 10hb. Disember 1993 Pihak kedua iaitu Cik Jonen Bte Aben telah berkuasa penuh atas tanah tersebut dan memilikinya dengan sepenuhnya”.

29. Tarikh “10 Disember 1993” dalam perenggan ini tidak diubah. Terdapat tanda tanya kenapa perjanjian dibuat pada “10 Disember 1986” untuk memberi hak kepada tanah hanya pada “10hb. Disember 1993”. Ms 3 P2 adalah resit bertarikh 10.12.1993 yang dikatakan ditandatangani oleh Pemohon bagi maksud Perjanjian Jual Beli tersebut. Adalah seterusnya diperhatikan bahawa jika perjanjian tersebut ditandatangani pada 10 Disember 1986, maka resit itu tidak dapat digunakan kerana resit itu mempunyai tarikh yang tidak sama. Tanda tanya telah timbul sama ada kesemua keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi Responden dan Responden-Responden sendiri adalah diatur dan disusun bagi menyesuaikannya dengan eksibit yang dikemukakan.

30. Menurut SR8 abang kepada Pemohon di perenggan 6 R12, “Saya ada baca sebentar perjanjian dan kemudian baru saya sedar bahawa ...”. Semasa SR8 memberi keterangan di hadapan Tribunal Koperasi ini, peguam Responden telah minta supaya beliau membacakan R12 kepada SR8 sebab SR8 tak boleh membaca tetapi faham apa yang dibacakan. Mengikut SR8, R1 adalah “bos saya”. SR8 bekerja sebagai buruh kasar di rumah R1 cuci lantai, siram pokok dan lain-lain. Adalah diperhatikan oleh Tribunal Koperasi ini bahawa walaupun SR8 tidak mempunyai tali persaudaraan dengan R1, hubungan majikan-pekerja di antara mereka

boleh menyebabkan SR8 setia kepada R1 kerana tidak mahu kehilangan punca pendapatannya.

31. Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa SR8 tidak boleh membaca dan SR8 juga tidak sedar bahawa namanya telah disalah eja di dalam Perjanjian jual beli tersebut di mana namanya dieja sebagai “Kolan Bin Serihie” manakala namanya di dalam Kad Pengenalan adalah “Rolan bin Sarehi”. Semasa disoal oleh peguam Responden, terdapat keraguan sama ada SR8 masih ingat akan tarikh surat perjanjian jual beli tanah di ms 1 P2 mula-mulanya ditandatangani dan tarikh pertama kalinya dia mula-mula nampak P9 dan akhirnya dia berkata bahawa dia tidak ditunjukkan P9 dan dia kurang tahu sijil saham siapa yang diberi kepada R1. Keteranganannya juga bercanggahan dengan keterangan SR9 iaitu R2.

32. Pada pandangan Tribunal Koperasi ini, jika kedua-dua SR8 dan SR9 serta R1 memberi keterangan yang bercanggah mengenai perkara yang material, maka keterangan mereka tidak dapat diterima sebagai apa yang sebenarnya telah berlaku pada masa itu. Maka, Tribunal Koperasi dengan sebulat suaranya memutuskan bahawa saham dan Surat Perjanjian Jual Beli Tanah di antara R2 dan Pemohon adalah tidak sah.

33. Hujahan Responden bahawa Pemohon telah memindah milik sahamnya dalam Koperasi Kokos kepada R2 dan R2 telahpun mewariskan milik saham tersebut kepada R3 kerana Pemohon telah meminjam wang daripada R1 dan telah bersetuju memindahkan sahamnya kepada R1 bila telah banyak meminjam menunjukkan bahawa tidak ada niat pada Pemohon untuk menjual atau memindahkan sahamnya dalam Koperasi Kokos kepada R1. R1 mengaku telah memindah milik saham Pemohon dari R2 kepada R3 pada 27 Jun 1993 walau pun pada masa itu R2 belum lagi menjadi pemilik saham Pemohon kerana Surat Akuan Saham itu sudah ada di dalam tangannya.

34. Mengikut R1 semasa di soal balas oleh peguam Pemohon samada Perjanjian Jual Beli sepatutnya adalah untuk saham Pemohon di dalam Koperasi Kokos dan bukannya untuk tanah yang sebenarnya dimiliki oleh Koperasi Kokos R1 menyatakan bahawa dia “tidak setuju kerana dari dulu lagi kalau ada tanah ada saham”.

35. Berdasarkan kepada keterangan di atas, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suaranya mendapati bahawa setiap anggota pengasas Koperasi Kokos berhak mendapat satu saham dan setiap saham membolehkan setiap anggota memiliki 15 ekar tanah. Tanah keseluruhannya adalah didaftarkan dalam nama Koperasi Kokos dan bahagian setiap anggota masih belum dipecahkan dan didaftarkan dalam nama anggota masing-masing. Maka, Tribunal Koperasi ini memutuskan dengan sebulat suara bahawa Pemohon tidak dapat memindah milik tanah milikan Koperasi kepada R1 dan perjanjian jual beli yang ditanda tangani di antara Pemohon dan R1 tidak mengikat mana-mana pihak kerana Pemohon tidak dapat memberi “good title” kepada sesiapa pun. Tambahan lagi, surat Akuan Saham tidak boleh digunakan oleh R1 sebagai cagaran untuk pinjaman yang telah diberikan kepada Pemohon.

36. Tribunal Koperasi ini mendapati bahawa anggapan R1 bahawa “ada tanah, ada saham” adalah anggapan yang salah. Di sebaliknya, Tribunal Koperasi memutuskan bahawa prinsipnya adalah “ada saham, ada tanah” dan oleh kerana tanah dipegang oleh Koperasi Kokos dan bukannya Pemohon maka Pemohon tidak boleh memindahkan tanah tersebut kepada R2. Pemohon hanya boleh memindahkan sahamnya kepada R2 setelah R2 diterima sebagai anggota dan diluluskan di mesyuarat ALK dan MAT yang mana gagal dibuktikan oleh R2. Bila R2 diminta beberapa kali untuk membaca ms 1 P2 bagi memastikan sama ada ada tidak dinyatakan dalam perjanjian jual beli tanah tersebut berkenaan pindahan saham Pemohon dalam Koperasi Kokos kepada R1, R2 telah enggan membuat demikian

sebab sedar bahawa tidak ada apa-apa di dalam ms 1 P2 berkenaan dengan pindah milik saham kepadanya dalam perjanjian tersebut.

37. Maka, Tribunal Koperasi ini telah menggunakan anggapan di bawah Seksyen 114(h) Akta Keterangan 1950(Akta 56) bahawa jika seseorang enggan menjawab sesuatu soalan yang dia tidak terpaksa menjawab di sisi undang-undang, jawapannya jika diberikan tidak akan memberikan faedah kepadanya.

Sama ada telah wujudnya UUK Koperasi Kokos pada tahun 1977

38. Sijil Pendaftaran Koperasi Kokos di ms 7 P1 menunjukkan bahawa Koperasi Kokos telah didaftarkan oleh Pendaftar Koperasi pada 13 Dis 1977. Dalam sijil yang dikeluarkan oleh Pendaftar Koperasi, adalah jelas dinyatakan bahawa Koperasi Kokos telah didaftarkan dengan nama “Syarikat Kerjasama Serbaguna Rancangan Kokos Berhad” dan UUK Koperasi Kokos telahpun didaftarkan oleh Pendaftar Koperasi pada masa itu.

39. Perkara ini juga ada dijelaskan oleh Ahli Panel SKM kepada kedua-dua pihak bila kes dibicarakan. Ahli Panel SKM ada menarik perhatian kesemua pihak kepada pengesahan yang telah dibuat oleh Pendaftar Koperasi seperti mana yang terkandung di dalam ms 7 P1 yang menyatakan seperti berikut:

“I hereby certify that the Society under the name of Syarikat Kerjasama Serbaguna Rancangan Kokos Berhad and its By Laws have this day been duly registered by me in the Register of Co-operative Societies, in pursuance of the provisions of the

Cooperative Societies Ordinance 1958 and the Co-operative Societies Rules 1959.”

40. Berdasarkan kepada pengesahan ini, Tribunal Koperasi ini tidak mempunyai sebarang alasan untuk membuat anggapan bahawa UUK Koperasi Kokos tidak didaftarkan semasa Koperasi Kokos didaftarkan kerana pendaftaran UUK pada masa pendaftaran sesebuah Koperasi memanglah suatu keperluan di sisi undang-undang dan sekiranya UUK tidak dikemukakan untuk pendaftaran, maka Pendaftar Koperasi tidak akan mendaftarkan sesebuah Koperasi itu. Semasa perbicaraan kes ini, apabila peguam Responden membangkitkan isu bahawa Koperasi Kokos tidak mempunyai UUK sehingga 6 Okt 1997, Tribunal Koperasi ini ada menasihatinya supaya membuat carian di pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia bagi memastikan bahawa hujahannya berasas. Akan tetapi, tiada carian dibuat oleh peguam Responden dan peguam Responden berpegang kepada hujahannya bahawa Koperasi Kokos tidak mempunyai UUK sehing 6 Okt 1977.

41. Bagi memastikan bahawa tidak ada sebarang keraguan yang timbul, Ahli Panel SKM telah menyemak fail Koperasi Kokos di pejabat pendaftaran dan didapati bahawa memang UUK Koperasi Kokos telah didaftarkan pada tarikh yang sama di mana permohonan pendaftarannya sebagai sebuah Koperasi diluluskan oleh Pendaftar Koperasi pada masa itu. Tribunal Koperasi ini tidak bergantung kepada semakan tersebut dan hanya membangkitkan perkara ini bagi memberitahu pihak-pihak bahawa mereka sepatutnya membuat semakan yang mencukupi dan tidak membuat hujahan yang tidak berdasarkan kepada fakta.

42. Dibalikannya, Tribunal Koperasi ini bergantung kepada sek 114(e) Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan bahawa tindakan kehakiman dan tindakan rasmi telah dilaksanakan mengikut aturan. Di samping itu, setelah menelitan ms11-65 P1, adalah jelas bahawa UUK Koperasi Kokos telah

dipinda dan pindaan UUK telah didaftarkan pada 6 Okt 1997 oleh Pendaftar Koperasi sepertimana ditunjukkan di ms11 P1. Permohonan Koperasi Kokos untuk menukarkan namanya kepada nama yang baru yang masih digunakan sehingga hari ini telah dibenarkan oleh Pendaftar Koperasi dan nama barunya terdapat dalam UUK yang telah didaftarkan pindaannya pada 6 Okt 1997. Ini dibuktikan oleh Perakuan Tukar Nama yang dikemukakan di ms 11 P1 di mana Pendaftar Koperasi memperakui bahawa “Syarikat Kerjasama Serbaguna Rancangan Kokos Berhad” telah menukarkan namanya kepada “Koperasi Rancangan Kokos Kunak Berhad” melalui suatu pindaan undang-undang kecil yang didaftarkan pada 6 Okt 1997 dan terdapat UUK yang sedia ada didaftarkan di Pejabat SKM Sabah.

43. Berdasarkan kepada keterangan dalam kes ini, Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara memutuskan bahawa memang UUK Koperasi Kokos telah wujud sejak tarikh pendaftarannya pada 13 Dis 1977. Maka berdasarkan kepada rumusan ini, hujahan Responden bahawa tiada UUK yang wujud dan tiada UUK yang mengikat Responden atau mana-mana Ahli Lembaga Koperasi (ALK) pada 10 Dis 1993 iaitu tarikh Perjanjian Jual Beli tanah Pemohon ditandatangani di antara Pemohon dan R1 tidak dapat diterima dan ditolak oleh Tribunal Koperasi ini sebulat suara.

44. Mengikut hujahan Responden di ms 7 para (q), UUK Koperasi Kokos adalah undang-undang yang mengawal perpindahan saham anggota-anggota Koperasi Kokos. Tribunal Koperasi juga berpendapat sedemikian dan oleh itu, keterangan berkenaan cara saham Pemohon dipindahkan kepada R2 amatlah penting. Oleh kerana tidak ada minit mesyuarat yang mengesakan pindahan saham Pemohon kepada R2, dan tiada bukti bahawa R2 telah diterima sebagai anggota Koperasi Kokos, maka Tribunal Koperasi ini dengan sebulat suara tidak menerima hujahan pihak Responden bahawa R2 adalah pemilik saham No 14 sekarang.

45. Keputusan keseluruhan Tribunal Koperasi ini sebulat suara membenarkan permohonan Pemohon seperti di Borang A dengan kos. Kos ganti rugi di para 7.7 adalah dividen yang telah dibayar atas saham tersebut sahaja. Jumlah dividen tersebut hendaklah ditentukan oleh Pengarah SKM Sabah setelah membuat semakan di dalam buku Koperasi Kokos yang didaftarkan di SKM Sabah setelah bayaran carian dibuat oleh Pemohon.

46. Dengan persetujuan, jumlah RM10,800 hendaklah ditolak daripada jumlah yang ditentukan oleh Pengarah SKM Sabah sebelum bayaran sepenuhnya dibuat kepada Pemohon. Kos bagi kes ini hendaklah ditanggung oleh kedua-dua pihak masing-masing. Salinan asal Surat Akuan Saham dipulangkan kepada peguam Pemohon supaya Koperasi Kokos dapat membuat pindaan sepertimana diputuskan oleh Tribunal Koperasi ini dalam Alasan Award ini.

Bertarikh 18 Januari 2011

Puan Tan Ghee Phaik
Pengerusi Tribunal Koperasi Malaysia

Puan Sairah binti Basrin : Saya setuju dengan Alasan Award di atas.
Ahli Panel SKM

Tuan Haji Azahari bin Haji : Saya setuju dengan Alasan Award di atas.
Rangon
Ahli Panel SKM